



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
(KeTTHA)**

LAPORAN TAHUNAN 2017

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera & Salam Negaraku.

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) bagi tahun 2017 ini dapat diterbitkan. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Laporan Tahunan ini.

Sepertimana yang diperincikan di dalam Laporan Tahunan ini, JPP adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur pembetungan Negara serta mengurus aset Pembetungan Kerajaan. Justeru, komitmen utama Jabatan ini adalah memastikan semua pelaksanaan pembangunan yang dilaksanakan berkualiti tinggi dan selaras dengan perkembangan teknologi terkini di dalam bidang ini.

Mengimbas kembali prestasi Jabatan, sehingga 31 Disember 2017, JPP telah menerima peruntukan daripada Kementerian pelanggan sebanyak RM1,964,220.00 bagi melaksanakan 34 projek sambungan RMKe-10 dan projek baru RMKe-11. JPP telah menyiapkan 3 (9%) daripada 34 bilangan projek berkenaan dan telah membelanjakan RM1,179,806,171.00 peruntukan yang telah disalurkan. Baki sebanyak 31 projek (91%) adalah masih dalam peringkat pra-tender dan kerja-kerja perlaksanaan.

Bagi pelaksanaan projek-projek di bawah program GKL (*River of Life* dan *Sewerage Non River*), Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM723,952,142.44 dan telah membelanjakan 100% peruntukan yang disalurkan. Daripada 53 bilangan projek yang dirancang di bawah program GKL, Jabatan telah menyiapkan 36 bilangan projek dan 10 projek adalah di dalam pembinaan manakala 7 bilangan projek di dalam status pra-tender.

Saya berharap Jabatan ini berupaya menyiapkan kesemua baki projek dengan cemerlang, selaras dengan motto JPP iaitu Peneraju Prasarana Pembedungan Negara.

Selain daripada itu, Jabatan juga telah menjalankan pelbagai program antaranya Malam Apresiasi dan Anugerah Pengiktirafan JPP 2017 dengan kerjasama Yayasan Hijau. Program yang bertujuan untuk mengumpul dana khas bagi mempergiatkan aktiviti kesedaran hijau di peringkat masyarakat dan juga untuk memberi pengiktirafan kepada para kontraktor, para perunding serta perunding pengurusan projek yang berperanan menyampaikan aspirasi Kerajaan di dalam menyediakan prasarana Pembedungan Negara yang sempurna.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas di atas komitmen padu yang telah diberikan oleh semua warga Jabatan ini dalam memastikan JPP masih relevan untuk melaksanakan projek pembangunan berkualiti dan memenuhi piawai yang telah digariskan di dalam kontrak. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mengaturkan pelbagai program dan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2017. Kesemua program yang diatur telah berjaya memberi nilai tambah dalam meningkatkan prestasi pegawai serta jabatan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada warga yang telah berjaya menempa nama atau mencapai kejayaan sama ada di peringkat peribadi, Jabatan, Kementerian, Negeri ataupun di peringkat Kebangsaan. Saya berharap agar usaha seperti ini diteruskan secara konsisten dan sentiasa mengambil peluang untuk mencabar kemampuan masing-masing dalam mencapai tahap yang lebih baik pada masa akan datang.



DATO' SRI IR. DR. ZULLKEFLE BIN NORDIN

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Pembedungan

PROFIL JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Misi

“Komited dalam membangun infrastruktur sistem pembedungan ke tahap piawaian antarabangsa.”

Visi

“Sebagai jabatan teknikal yang terunggul dalam menyediakan fasiliti pembedungan yang modern untuk melindungi kesihatan awam yang berterusan dan memulihara sumber air negara.”

Objektif

“Memodenkan sektor pembedungan negara dengan memastikan sistem pembedungan yang bersesuaian mencapai tahap piawai kualiti effluen yang ditetapkan dan memberi keselesaan kepada pengguna.”

PIAGAM PELANGGAN

Komitmen Jabatan Perkhidmatan Pembetungan adalah menyediakan dan melaksanakan projek pembetungan bagi memenuhi pembangunan negara.

Dengan ini kami memberikan komitmen bahawa;

1. Semua projek disiapkan mengikut jadual masa pembinaan iaitu :
 - Bagi projek kecil loji rawatan kumbahan yang nilainya kurang dari RM50juta, tidak melebihi 24 bulan;
 - Bagi projek loji rawatan kumbahan yang nilainya melebihi RM50 juta, tidak melebihi 36 bulan; dan
 - Bagi projek rangkaian paip, tidak melebihi 42 bulan.
2. Semua tuntutan bayaran kemajuan projek yang lengkap akan disemak dan diperakukan dalam tempoh 14 hari.
3. Maklum balas dan penjelasan terhadap setiap aduan pelaksanaan projek yang timbul adalah dalam tempoh 3 hari bekerja.

LATAR BELAKANG

Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1994 setelah parlimen Malaysia meluluskan Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 (Akta 508) dan berada di bawah Kementerian Kerajaan dan Perumahan Tempatan. Tujuan utama JPP ditubuhkan pada masa tersebut adalah untuk mengawal selia perkhidmatan dan sistem pembedungan sedia ada yang mana dikendalikan oleh sama ada pihak kerajaan atau persendirian di seluruh Negara. Sehingga kini operasi pembedungan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia telah diambil alih oleh JPP kecuali PBT di Negeri Kelantan, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan PBT Pasir Gudang juga PBT di Negeri Sarawak dan Sabah.

Sementara itu, pada masa tersebut, pihak kerajaan juga telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk mengoperasi dan menyelenggara sistem-sistem pembedungan tersebut. Di samping itu, di bawah perjanjian konsesi, IWK bertanggungjawab membangun dan menyediakan fasiliti baru bagi memenuhi permintaan semasa dan akan datang dengan mendapat pinjaman mudah dari kerajaan.

Ekoran dari kegawatan ekonomi pada tahun 1998 pada bulan Jun 2000, pihak Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan telah mengambil alih saham IWK dan tanggungjawab IWK hanya terhad kepada kerja operasi dan penyelenggaraan sahaja di samping memungut caj pembedungan. Sementara itu, mulai tahun 2001 pelaksanaan semua projek kapital pembedungan dan kerja-kerja baik pulih sistem pembedungan sedia ada melalui bajet Rancangan Malaysia (RMK) telah dipertanggungjawabkan kepada JPP termasuk memantau perbelanjaan pembangunan dan peruntukan sektor pembedungan untuk Negeri Sabah dan Sarawak (melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan).

Pada tahun 2004, JPP telah diletakkan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) atau kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Fungsi JPP sebagai badan kawal selia berakhir sepenuhnya pada 31 Disember 2007 dan diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sehingga kini, fungsi dan tanggungjawab baru JPP adalah tertumpu kepada pelaksanaan projek dan sebagai penasihat kepada KeTTHA di dalam isu-isu berkaitan pembedungan. Selain itu juga, di bawah peruntukan RMK sektor pembedungan kepada Sabah dan Sarawak, JPP telah dilantik sebagai penasihat teknikal pembedungan, menjalankan audit teknikal, memberi khidmat nasihat dan mengesahkan tuntutan bayaran pinjaman Kerajaan Pesekutuan dari kerajaan negeri-negeri tersebut.

Sebagai salah satu agensi teknikal kerajaan, JPP juga telah memperkukuhkan sistem pengurusan dan pentadbiran dengan melakukan penyusunan dan penstrukturan semula secara menyeluruh agar dapat mengawal selia pembangunan dan pembinaan lebih banyak projek pembedungan pada masa hadapan.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN


1. Untuk menggalakkan kelancaran pelaksanaan sistem pembedungan yang bersesuaian dan moden di seluruh negara mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Untuk menggalakkan dan membangunkan industri pembedungan agar ianya diuruskan dengan efisien dari segi kos, teknologi dan sumber tenaga kerja.
3. Untuk melindungi kepentingan pengguna dengan memastikan perkhidmatan yang terbaik pada kos yang berpatutan.
4. Untuk memastikan pelaksanaan projek penswastan berjaya dan memuaskan.
5. Untuk membantu pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan sektor pembedungan yang moden dengan melindungi sumber air dan alam sekitar.



Carta Organisasi JPP 2017

CARTA ORGANISASI JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR


JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KeTTHA)



Tarikh dikemaskini : 31.12.2017

Pencapaian Perbelanjaan Keseluruhan JPP 2017


Secara keseluruhan, Jumlah Perbelanjaan Wang Sumbangan Kapital Pembedungan sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :




Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan RMK-11 Tahun 2017 sebagaimana SPP II adalah seperti berikut :



Secara keseluruhan, Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Greater KL sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :



Prestasi Perbelanjaan Projek Greater KL/KV Bagi Tahun 2011-2017 adalah seperti berikut :



Prestasi Perbelanjaan Mengurus JPP 2017

Program / Aktiviti	Peruntukan Dikemaskini	Jumlah Perbelanjaan Sebenar + Tanggungan	Peratusan	Baki selepas perbelanjaan sebenar & tanggungan	
				RM	%
040100	19,496,500.00	18,778,002.47	96.31	718,497.53	3.69

Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2017

2017
1- 7 HARI: 1592 BIL (99.78%)
8 -10 HARI: 6 BIL
11-14 HARI: 3 BIL
> 14 HARI: -
RM 1,372,346,067.02

Ringkasan Prestasi Pemprosesan Bil Bagi Tahun 2017

Jenis Hasil	Bil Resit	Jumlah
73105 - Borang Tender	63	19,780.00
11101 - Gaji Biasa Kakitangan Awam	10	156,512.89
12101 - Imbuhan Tetap Khidmat Awam		2,678.73
12102 - Imbuhan Tetap Perumahan		15,710.45
12107 - Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal		5495.35
12199 - Elaun Tetap Yang Lain		10,598.85
12103 - Imbuhan Tetap Keraian		8304.51
23102 - Telefon termasuk sewaan dan kos pemasangan alat.		1
53205 - Pendahuluan Diri emolumen	1	836.72
29142 - Pakej Penginapan Dan Penyediaan Makanan	1	2,020.00
33209 - Pbaik Kemudahan-Talian, P'Airan, Kaw Banjir & Pbetungan	4	1,515.14
82499 - Pelbagai Jualan	1	127.50
81101 - Terimaan Balik Bayaran Tahun Lalu	14	8,692.92
81199 - Bayaran Balik Yang Lain	1	1,674.24
JUMLAH	96	234,210.90

Ringkasan Prestasi Hasil dan Terimaan Bagi Tahun 2017

Pelaksanaan Projek JPP 2017

Secara Keseluruhan, Pelaksanaan Projek JPP tahun 2017 boleh disenaraikan seperti berikut :

Projek Loji Rawatan Kumbahan				Projek Rangkaian Paip Pembetulan			
Senarai Projek							
Kurang dari 10 Juta	10 Juta hingga 50 Juta	50 Juta hingga 200 Juta	200 Juta ke Atas	Kurang dari 10 Juta	10 Juta hingga 50 Juta	50 Juta hingga 200 Juta	200 Juta ke Atas
Pakej B24	Langkawi STP	Tambak Laut	Pantai 2 STP	Pakej D40	Langkawi Network & Pumping Station	Bayan Baru Network	Papan Pakej 1
	Pangkor	Upper Kerayong	Bayan Baru STP	Langkawi Fasa 3	17 Loji Pakej 1	Tambak Laut Network	Langat Network & CSTP
		Tampin Tengah	Bunus STP	Penyambungan Jalan Brunei	17 Loji Pakej 2	Kajang 2 Network	Pakej D43
		Pakej B32	Batu CSTP		Pakej G08	Pakej D46	Pakej D44
		Batu Berendam STP			Si Rusa	Pakej D48	Pakej D47
		Assam Kumbang			Kota Bahru	Pakej D54	Pakej D49
						Pakej D55	Pakej D52
							Batu Berendam Network
							Papan Pakej 3

**SENARAI PROJEK BARU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11
(RMK11) BAGI TAHUN 2017**

BIL	NAMA PROJEK
CARA LANGSUNG	
1.	KAJIAN SISTEM DAN REKABENTUK PEMBETUNGAN

PINJAMAN	
1.	LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN MIRI (FASA 1)
2.	CADANGAN KAJIAN DAN REKABENTUK TERPERINCI BAGI DAERAH KINARUT, KIMANIS, TUNGKU, SIKUATI, KINABATANGAN, NABAWAN, TELUPID, BALUNG DAN LAIN-LAIN DI NEGERI SABAH
3.	SKIM PEMBETUNGAN KOTA MARUDU FASA 1
4.	SKIM PEMBETUNGAN TAMBUNAN FASA 1
5.	SISTEM PEMBETUNGAN TANJUNG ARU, KOTA KINABALU SABAH
6.	SKIM PEMBETUNGAN KENINGAU FASA 2
7.	SKIM PEMBETUNGAN BEAUFORT

**SENARAI PERMOHONAN PEMBIAYAAN YANG TELAH DILULUSKAN DI
BAWAH WANG SUMBANGAN KAPITAL PEMBETUNGAN (SCC)
BAGI TAHUN 2017**

BIL.	TUJUAN PEMBIAYAAN
1.	KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR TAPAK TANAH REZAB JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
2.	CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR DI DUA (2) KAWASAN TAPAK PELUPUSAN ENAPCEMAR DI NEGERI PERAK YANG MELIPUTI KERJA MEMBINA PAGAR BAGI KAWASAN YANG MASIH BELUM BERPAGAR SERTA KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR SEMULA BAGI PAGAR YANG TELAH ROSAK
3.	CADANGAN KURSUS PENYEDIAAN SKOP SISTEM PEMBETUNGAN DI PULAU – PULAU PERANGINAN DI MALAYSIA
4.	INTERNATIONAL EXHIBITION ON ENVIRONMENTAL TECHNOLOGY & GREEN ENERGY (ENVEX), KOREA

**SENARAI PROJEK BARU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11
(RMK11) BAGI TAHUN 2017**

BIL.	NAMA PROJEK
CARA LANGSUNG	
1.	PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI TUNJONG

Pelaksanaan Kursus & Latihan Teknikal JPP 2017

Pembiayaan program seminar, kursus dan latihan teknikal kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan JPP adalah di bawah peruntukan Belanja Mengurus (Program Pembangunan, Latihan dan Kemahiran).

Terdapat juga kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi-agensi luar yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan setelah mendapat kebenaran dan kelulusan dari Ketua Jabatan. Sebanyak 4 kursus (fungsional), 24 seminar (fungsional) yang telah dianjurkan pada tahun 2017. Kursus/bengkel dan seminar/taklimat yang dianjurkan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kerja dan pengetahuan setiap pegawai dan kakitangan Jabatan.

SENARAI PELAKSANAAN KURSUS (FUNGSIONAL) BAGI TAHUN 2017

BIL.	TAJUK	TARIKH DILAKSANAKAN	PERUNTUKAN (RM)
KURSUS (FUNGSIONAL) - TELAH DILAKSANAKAN			
1.	Kursus <i>Introduction To Treatment Plant Operation (ITPO)</i>	23 & 24 Mei 2017	-
2.	Kursus <i>Planning Of Sewerage System</i>	26 & 27 Julai 2017	-
3.	Kursus <i>Transfer Of Technology - Sesi Ketiga Bagi Pembinaan Langat Centralised Treatment Plant (CSTP) Dan Penyambungan Rangkaian Paip Pemetungan Di Kawasan Tadahan Lembangan Sungai Langat Secara Reka & Bina</i>	11 - 14 September 2017	-
4.	Kursus Penilaian Tender Bil. 1/2017	1 Oktober 2017	4,221.00 (SCC)

SENARAI PELAKSANAAN SEMINAR / TAKLIMAT (FUNGSIONAL) BAGI TAHUN 2017

BIL.	TAJUK TAKLIMAT/SEMINAR/BENGGKEL	TEMPAT	TARIKH	MASA
1.	<i>Vitrified Clay Pipe Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	20 Januari 2017	3.00 pm - 5.00 pm
2.	<i>Advance Membrane Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	3 Februari 2017	3.00 pm - 5.00 pm
3.	<i>Odor Control System</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	17 Februari 2017	3.00 pm - 5.00 pm
4.	<i>Robotics Pipeline CCTV</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	24 Februari 2017	3.00 pm - 5.00 pm
5.	<i>Pumps Tachnology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	3 Mac 2017	3.00 pm - 5.00 pm
6.	<i>Integrated Treatment Technology & Solution</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	10 Mac 2017	3.00 pm - 5.00 pm
7.	<i>Pumps Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	17 Mac 2017	3.00 pm - 5.00 pm
8.	<i>Submersible Mixers Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	24 Mac 2017	3.00 pm - 5.00 pm
9.	<i>Aeration System And Technology REHAU</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	7 April 2017	3.00 pm - 5.00 pm
10.	<i>Pumps Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	14 April 2017	3.00 pm - 5.00 pm

BIL.	TAJUK TAKLIMAT/SEMINAR/BENGGKEL	TEMPAT	TARIKH	MASA
11.	<i>Environment management (EMP-EIA)</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	21 April 2017	3.00 pm - 5.00 pm
12.	<i>Control Panel System</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	5 Mei 2017	3.00 pm - 5.00 pm
13.	<i>Valve Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	19 Mei 2017	3.00 pm - 5.00 pm
14.	<i>Pumps Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	26 Mei 2017	3.00 pm - 5.00 pm
15.	<i>SCADA Monitoring System</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	14 Julai 2017	3.00 pm - 5.00 pm
16.	<i>Tropical Consideration In Sewerage Pipeline & Manholes Rehabilitation</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	21 Julai 2017	3.00 pm - 5.00 pm
17.	<i>Pumps Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	28 Julai 2017	3.00 pm - 5.00 pm
18.	<i>Concrete Precast Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	11 Ogos 2017	3.00 pm - 5.00 pm
19.	<i>Multi Layer PVC-M Pipe Exl</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	18 Ogos 2017	3.00 pm - 5.00 pm
20.	<i>Professional Certification</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	25 Ogos 2017	3.00 pm - 5.00 pm
21.	<i>Sewerage Treatment Plant Laboratory Equipment</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	15 September 2017	3.00 pm - 5.00 pm
22.	<i>Fibre Reinforced Mortar For Concreate Structures</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	29 September 2017	3.00 pm - 5.00 pm
23.	<i>Odor Control System</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	6 Oktober 2017	3.00 pm - 5.00 pm
24.	<i>Aquarator Aeration Technology</i>	Bilik Latihan, Tingkat 7, JPP	13 Oktober 2017	3.00 pm - 5.00 pm

Pengurusan Aduan JPP 2017

Pengurusan aduan awam untuk Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pengurusan Kompetensi & Inovasi. Bahagian ini telah memantau setiap kes aduan serta meneliti aduan yang dikemukakan kepada JPP. Setiap aduan akan dimaklumkan kepada pihak pengadu akan status terkini dalam masa tiga hari bekerja. Sekiranya aduan berkenaan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau Indah Water Konsortium, ianya akan dipanjangkan mengikut keperluan Agensi terbabit untuk tindakan seterusnya. Pengurusan aduan adalah merupakan aspek penting dalam kualiti Perkhidmatan Awam. Sepanjang tahun 2017, Bahagian ini telah menerima sebanyak 73 aduan. Pengurusan aduan ini termasuk memantau dan memberi respon terhadap aduan yang disalurkan melalui surat/memo, panggilan telefon, e-mel dan akhbar.

Bahagian ini akan memastikan dan berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan aduan awam serta memuaskan hati pelanggan. Justeru itu semua pegawai dan kakitangan yang mengendalikan kes-kes aduan ini akan memberikan maklum balas berkenaan status aduan yang dibuat dengan kadar segera agar orang awam berasa selesa dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan.

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN	JUMLAH ADUAN			
	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI	SELESAI (%)
Aduan Projek/Operasi	41	-	41	100
Aduan Lain-Lain	32	-	32	100
KESELURUHAN	73	-	73	100

LAMPIRAN

Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPP 2017

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2017

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED	SEKTOR
1.	Chan Sook Huei	Jurutera J44	Sektor Pengurusan Projek
2.	Mohd Yusli Nasrin Bin Sani	Jurutera J44	Sektor Konsultasi Dan Khidmat Teknikal
3.	Siti Haniah Binti Jusoh	Jurutera J44	Sektor Perancangan Dan Pembangunan
4.	Cynthia Jimmy Jinikol	Jurutera J44	Sektor Pengurusan Projek
5.	Mohd Asmawi Bin Bardan	Jurutera J41/44	Sektor Pengurusan Projek
6.	Norasrin Binti Abu Bakar	Penolong Jurutera JA29	Sektor Konsultasi Dan Khidmat Teknikal
7.	Nordi Bin Abd. Rahman	Penolong Jurutera JA29	Sektor Konsultasi Dan Khidmat Teknikal
8.	Nor Hafizah Binti Hamzah	Penolong Jurutera JA29	Sektor Pengurusan Projek
9.	Rasmona Binti Mohd Amin	Ketua Pembantu Tadbir N22	Bahagian Khidmat Pengurusan
10.	Noor Shuhada Binti Yussof	Pembantu Tadbir N19	Sektor Perancangan Dan Pembangunan
11.	Maimunah Binti Mohamad	Pembantu Tadbir N19	Sektor Perancangan Dan Pembangunan
12.	Bavani A/P Andiyappan	Pembantu Akauntan W19	Bahagian Khidmat Pengurusan

**PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
TAHUN 2017**



Aktiviti Projek JPP 2017

LOJI RAWATAN KUMBAHAN LANGAT DI BAWAH KPI MENTERI



PEMBINAAN LANGAT CENTRALISED SEWAGE TREATMENT PLANT (CSTP) DAN PENYAMBUNGAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI KAWASAN TADAHAN LEMBANGAN SUNGAI LANGAT SECARA REKA & BINA



Pandangan Atas (Pembinaan CSTP)



Pandangan Sisi (Pembinaan CSTP)



Pandangan Sisi (Pembinaan CSTP)



Kerja-kerja Konkrit Lurang Pembetulan



CCTV Bagi Kerja *jacking*



Kerja-kerja *jacking*

PAMERAN ANTARABANGSA TEKNOLOGI HIJAU DAN PRODUK EKO KE-8 (IGEM 2017)
11 - 13 OKTOBER 2017



**LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP
PEMBETUNGAN KINTA BARAT, PAPAN, PERAK. (PAKEJ 1)**



Pipe Testing



Cutter Head



Casing Extraction



Pit Constrcution



Pipe Installation



Pipe Installation

PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU BANDARAYA MELAKA DI BATU BERENDAM, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH



PEMBINAAN STP



Pandangan Hadapan



Besi tetulang *Bored Pile*



Kerja-kerja Penanaman *Bored Pile*



Kerja-Kerja Penanaman *RC Square Pile*



Kerja-Kerja Tanah



Kerja-Kerja Tanah



Kerja-Kerja Pemasangan *Formwork*



Kerja-Kerja Pemasangan *Formwork*

PEMBINAAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI BANDARAYA MELAKA DI BATU BERENDAM (REKA & BINA)

KERJA-KERJA JACKING PIPE



Pembinaan Jacking Pit



Pembinaan Jacking Pit



Kerja-Kerja Jacking



Kerja-Kerja Jacking




Pembinaan Lurang Pembetungan




Pembinaan Lurang Pembetungan

**PAKEJ D49 – PEMBINAAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI
KAJANG 1 & KAJANG 3, KAJANG, SELANGOR (REKA & BINA)**


PELAN TAPAK



KAJANG 3



KAJANG 1



KERJA-KERJA JACKING PIPE



KERJA-KERJA KOREKAN TERBUKA



KERJA-KERJA PEMBINAAN LURANG PEMBETUNGAN (MANHOLE)



Aktiviti Pameran JPP 2017

1. Program Mesra Rakyat Di Labuan, Sabah pada 18 Februari 2017



2. Sambutan Hari Air Sedunia di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 25 Mac 2017



3. Sambutan Perayaan Pesta Kaamatan Peringkat Daerah Kota Marudu 2017 Di Kota Marudu, Sabah pada 14 Mei 2017



4. Sambutan Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah 2017 Di Penampang, Sabah pada 30 hingga 31 Mei 2017





5. Program Jelajah Ya Hijau Sabah Siri 1, Matunggong Di Kudat, Sabah Pada 15 Julai 2017



6. Program Jelajah Ya Hijau Sabah Siri 3 Di Keningau, Sabah Pada 16 hingga 17 September 2017



7. Majlis Perasmian Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kajang Utama Di Kajang Utama pada 4 November 2017



8. Sambutan Hari Alam Sekitar (*Friends of Langat River*) Di UKM Bangi pada 5 November 2017







9. Program Jelajah Ya Hijau Sabah Siri 4 Di Telupid, Sabah pada 11 November 2017



Aktiviti Kelab Sukan Dan Kebajikan JPP

1. Program *Hiking* Gunung Angsi



2. Program Hiking Gunung Saga, Taman Saga Bersama KSU KeTTHA



3. Program Hiking Gunung Kinabalu (7 - 9 Oktober 2017)



Majlis Apresiasi & Pengiktirafan JPP & Ya Hijau 2017



Aktiviti Surau JPP 2017



**SURAU
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

AKTIVITI SURAU JPP BAGI TAHUN 2017

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
1.		<p>Ceramah Agama Di Bilik Latihan, Tkt. 7, JPP pada 03 Mac 2017 oleh Ust. Syed Putra Haizam bin Syed Hashim.</p> <p>Tajuk Ceramah : “Persiapan Iman & Amal Sebelum Mati”</p>
2.		<p>Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat Sempena Persaraan En. Hazmi bin Ramli di Surau JPP pada 28 April 2017.</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
3.		<p>Mesy. AJK Surau JPP Bil. 1/2017 di Tkt. 8, JPP pada 26 Mei 2017.</p>
4.		<p>Sumbangan kepada Pn. Saridah bt. Mohd. Ashaari kerana bapa meninggal dunia pada 25 Mei 2017.</p> <p>Sumbangan pada 30 Mei 2017.</p>
5.		<p>Majlis Iftar Warga JPP pada 06 Jun 2017 di Surau JPP, Aras 7, JPP.</p> <p>Penceramah Jemputan Ust. Syed Putra Haizam dengan tajuk ceramah 'TAUBAT'</p>
6.		<p>Sumbangan kepada Pn. Noraini binti Mustapha kerana ibu meninggal dunia pada 24 Jun 2017.</p> <p>Sumbangan dibuat pada 05 Julai 2017.</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
7.		<p>Sumbangan kepada Tn. Hj. Alias bin Idris kerana pergi menunaikan ibadah haji pada 21 Julai 2017.</p>
8.		<p>Menziarahi Pn. Hazreen bt. Zulkifli (JPP) kerana suaminya Mohd. Aswad bin Zainal meninggal dunia pada 20/8/2017 akibat serangan jantung dan dikebumikan pada 21/8/2017 di kariah Surau Muhajirin, Tmn. Kajang Utama, Kajang.</p>
9.		<p>Melawat En. Ruslan bin Md. Saleh (Pemandu kereta Projek JPP) di Hospital Serdang akibat serangan jantung pada 17 Oktober 2017.</p>
10.		<p>Sumbangan kepada keluarga Allahyarham Syed Ahmad Fauzi bin Syed Mohd. Salleh yang telah kembali ke Rahmatullah pada 20 Oktober 2017.</p> <p>Al Fatihah.</p>



BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
11.		<p>Sumbangan kepada Pn. Norhidayah binti Ismail (BPKUB) kerana bapa meninggal dunia pada 10 November 2017.</p> <p>Ziarah & sumbangan dibuat pada 10 November 2017.</p>
12.		<p>Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 24 November 2017.</p>




AKRAB
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

AKTIVITI AKRAB JPP 2017

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
1.		<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTHA Bil. 1/2017. Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, KeTTHA pada 05 Januari 2017.</p> <p>Kehadiran seramai 24 orang. Turut meraikan Majlis Perpisahan Pn. Nor'aini bt. Suboh.</p>
2.		<p>AKRAB Caring – Ahli AKRAB membuat program ziarah warga JPP – Tn. Syed Ahmad Fauzi bin Syed Mohd. Salleh (J48) yang sedang menerima rawatan di Hospital Hebahilitasi, Cheras, Kuala Lumpur pada 02 Februari 2017.</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
3.		<p>Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB KeTTHA Bil. 1/2017.</p> <p>Bilik Bincang PBSM, Aras 5, KeTTHA, Putrajaya pada 15 Mac 2017.</p>
4.		<p>Program Pasca AKRAB KeTTHA.</p> <p>Bilik Mesyuarat Aras 6, KeTTHA, Putrajaya pada 27 – 28 Mac 2017.</p> <p>Seramai 40 orang ahli AKRAB telah menyertainya.</p>
5.		<p>Program Corporate Social Responsibility (CSR) Ahli AKRAB KeTTHA ke Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 29 Mac 2017.</p> <p>31 orang ahli AKRAB KeTTHA telah mengikuti program ini. Akbar KOSMO! Pada 03 Jun 2017</p>
6.		<p>Jom Hiking Bersama Dato' KSU / KeTTHA:</p> <p>Lokasi : Bukit Saga, Taman Saga, Ampang.</p> <p>Tarikh : 24 April 2017 (Isnin)</p> <p>Waktu : 3.00 petang</p> <p>Wakil AKRAB : En. Mohamad Shahrul Amrie bin Shafehardin</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
7.		<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTTHA Bil. 3/2017 & Jamuan Hari Raya AKRAB Tahun 2017 bertempat di Bilik Latihan JPP, Tingkat 7, Mines 2, Seri Kembangan, Selangor pada 24 Julai 2017 (Isnin)</p>
8.		<p>'AKRAB Caring' - Ahli AKRAB, En. Mohd. Shamsul Azlan bin Ahmad melapang masa untuk menziarahi Pegawai JPP, En. Mohd. Johari bin Abd. Rashid di Ipoh pada 10 Ogos 2017.</p> <p>En. Mohd. Johari telah terlibat dalam kemalangan motor pada 14 November 2016 di Ipoh dan sekarang maseh dalam tempoh cuti sakit.</p>
9.		<p>AKRAB Caring - Ahli2 AKRAB menziarahi Pn. Hazreen bt. Zulkifli (JPP) kerana suaminya Mohd. Aswad bin Zainal meninggal dunia akibat serangan jantung di Surau Muhajirin, Tmn. Kajang Utama, Kajang pada 20 Ogos 2017.</p>
10.		<p>AKRAB Caring - Ahli AKRAB membuat program ziarah warga JPP - Tn. Syed Ahmad Fauzi bin Syed Mohd. Salleh (J48) yang sedang menerima rawatan di Qalam Laduni Medical Center (Pusat Rawatan Harian), Bangi pada 19 September 2017.</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
11.		<p>Persidangan Psikologi Modal Insan pada 09 Oktober 2017 di PICC, Putrajaya.</p> <p>Seramai 30 orang Ahli AKRAB bersama-sama warga KeTTHA telah hadir dalam persidangan tersebut.</p>
12.		<p>Beberapa orang Ahli AKRAB KeTTHA telah berjaya membawa Logo AKRAB KeTTHA ke kemuncak Gunung Kinabalu pada 10 Oktober 2017.</p> <p>TAHNIAH ! kepada Ahli AKRAB KeTTHA yang terlibat dalam ekspedisi ini.</p>
13.		<p>AKRAB Caring - Ahli2 AKRAB membuat ziarah keluarga pegawai JPP - Tn. Syed Ahmad Fauzi bin Syed Mohd. Salleh yang telah meninggal dunia pada 20 Oktober 2017. Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sg. Tangkas, Bangi.</p>
14.		<p>Majlis Perpisahan ringkas untuk meraikan En. Zool Ihsan bin Suhaini yang akan bertukar ke JKR Bintulu pada 01 November 2017.</p> <p>Majlis diadakan pada 26 Oktober 2017 di JPP.</p>

BIL.	GAMBAR	AKTIVITI
15.		<p>Hari Psikologi & Inovasi KeTTHA Tahun 2017 berlangsung pada 07 November 2017 di Lobi KeTTHA, Putrajaya.</p>
16.	 	<p>Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) CARE Oleh Ybhg. Datuk KSU, KETTHA pada 09 November 2017 di Auditorium Parcel E, Putrajaya.</p>
17.		<p>Majlis Hi-Tea AKRAB KeTTHA Tahun 2017 di Umai Café, Putrajaya pada 15 Disember 2017.</p> <p>Berjaya menghimpunkan seramai 22 orang ahli AKRAB KeTTHA.</p> <p>Sebagai penutup agenda bagi tahun 2017.</p>